

Pasar basah di Wuhan dikenal pasti pusat penyebaran Covid-19

AS tak putus asa, terus salahkan China

WASHINGTON: Amerika Syarikat (AS) dilihat seolah-olah tidak berputus asa untuk cuba menyalahkan China sebagai punca penularan wabak Covid-19.

Tindakan itu amat jelas apabila dua kajian baharu mengemukakan lebih banyak bukti dengan menegaskan wabak Covid-19 berasal dari pasar haiwan liar dan unggas eksotik hidup di Wuhan, China.

Hasil kajian itu sekali gus mengukuhkan lagi teori bahawa virus berkenaan benar-benar berasal dari pasar basah terbabat dan bukannya kebocoran makmal di negara itu.

Kajian baharu itu yang diterbitkan dalam jurnal Science, menunjukkan Pasar Makanan Laut Huanan berkemungkinan merupakan pusat penyebaran wabak Covid-19.

Para saintis membuat kesimpulan bahawa virus yang menyebabkan Covid-19 dan SARS-CoV-2, berkemungkinan merebak dari haiwan ke manusia pada dua waktu berbeza.

“Semua bukti ini memaklumkan perkara yang sama iaitu menunjukkan virus itu berasal dari pasar terletak di tengah Wuhan.

“Sebelum ini saya pun yakin teori kebocoran makmal sehingga kami mengkaji perkara ini secara teliti dan melihatnya den-



PENDUDUK melakukan ujian asid nukleik untuk mengesan virus jangkitan Covid-19 di Wuhan, wilayah Hubei, China. - AFP

gan lebih dekat,” kata pengarang bersama salah satu kajian itu, Kristian Andersen.

Dalam satu kajian, ahli biologi dari Universiti Arizona, Michael Worobey bersama pasukan penyelidiknyanya menggunakan alat pemetaan bagi menentukan lokasi lebih 150 kes Covid-19 yang paling awal dilaporkan dari Disember 2019.

Pasukan penyelidik itu turut memetakan kes dilaporkan dari Januari dan Februari 2020 dengan menggunakan data daripada aplikasi sosial media yang diwujudkan bagi pesakit Covid-19 mendapatkan bantuan.

Katanya, beberapa soalan ditanya ketika melakukan kajian itu termasuk lokasi didiami oleh pesakit Covid-19 berkenaan.

“Ternyata apabila mengkaji secara teliti, terdapat corak luar biasa yang mana kepadatan tertinggi kes sangat berhampiran dan berpusat pada pasar basah itu.

“Perkara penting adalah ia terpakai kepada semua kes pada bulan Disember dan kes tanpa kaitan ke pasar tersebut.

“Ini juga merupakan petun-

“**Semua bukti ini memaklumkan perkara yang sama iaitu menunjukkan virus itu berasal dari pasar terletak di tengah Wuhan.”**

juk virus itu mula merebak pada orang yang bekerja di pasar itu dan seterusnya ke penduduk setempat,” katanya.

Dalam kajian lain pula, para penyelidik menganalisis kepelbagaian genomik virus di dalam dan luar China, bermula dengan sampel terawal pada Disember 2019 dan berlanjutan sehingga Februari 2020.

Penyelidik mendapati dua virus keturunan A dan B menandakan permulaan pandemik di Wuhan.

Pengarang bersama kajian, Joel Wertheim menegaskan virus keturunan A secara genetik lebih mirip dengan koronavirus kelawar namun keturunan B pula mula merebak lebih awal pada manusia terutamanya yang berada di pasar basah itu. - AP